



SIARAN MEDIA

MBOT MENGALU-ALUKAN KOMITMEN KERAJAAN UNTUK TERUS MEMPERKASAKAN TVET

PUTRAJAYA, 2 MAC 2023 - Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) menyambut baik komitmen Kerajaan untuk terus memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui inisiatif yang dibentangkan dalam Belanjawan 2023 baru-baru ini.

Belanjawan 2023 menyatakan walaupun kadar kebolehpasaran graduan TVET adalah 90 peratus, namun 90 peratus daripada mereka meraih gaji kurang daripada 2,000 ringgit sebulan. Perdana Menteri menekankan bahawa semua pihak termasuk majikan di sektor awam dan swasta supaya memainkan peranan untuk memastikan para graduan dibayar dengan gaji yang lebih setara dengan kemahiran yang dimiliki. Penekanan oleh Perdana Menteri terhadap kepentingan pulangan atas pelaburan sebanyak 6.7 bilion ringgit dalam sektor TVET wajar diberi perhatian supaya ia dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak termasuklah majikan, institusi latihan TVET dan graduan sendiri.

Dalam menuju ke arah negara maju, para teknologis dan juruteknik perlulah diberi perhatian sewajarnya memandangkan sudah terdapat trend khususnya golongan muda memilih berhijrah ke negara-negara lain seperti Arab Saudi, Singapura dan Australia. Sekiranya perkara ini tidak ditangani, tidak mustahil kita akan mengalami krisis untuk membangunkan industri dan teknologi tempatan.

Perkara ini juga disahkan dalam satu kajian yang dijalankan oleh sebuah syarikat perunding sumber manusia terkemuka yang mendedahkan 72 peratus pekerja muda Malaysia mempertimbangkan untuk bekerja di luar negara atas sebab-sebab seperti kekurangan pembangunan kerjaya, kekurangan penghargaan atau pengiktirafan, kekurangan peluang latihan, ketiadaan kenaikan gaji, masalah pengurusan, berasa mereka bekerja terlalu kuat dan kekurangan fleksibiliti.

“Sebagai sebuah badan profesional yang mengiktiraf teknologis dan juruteknik sebagai profesional, pengiktirafan profesional yang diberikan kepada graduan TVET adalah satu nilai tambah yang akan menyumbang kepada penerimaan majikan dan industri. Ia sekaligus akan membuka lebih banyak peluang kepada majikan di sektor awam dan swasta untuk menawarkan pakej pekerjaan yang menyokong hasrat Kerajaan untuk memperkasa golongan ini,” kata Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir, Presiden MBOT.

Pengumuman Kerajaan mengenai kerjasama dengan sektor swasta terutamanya syarikat berkaitan kerajaan (Government-Linked Companies - GLC) dengan institusi TVET Persekutuan mampu membantu graduan yang lebih memenuhi keperluan industri dan seterusnya akan dibayar secara setimpal. Ini adalah tindakan serampang dua mata untuk kerajaan memanfaatkan sumber dan kemudahan yang ada.

“MBOT berpandangan bahawa polisi dan pendekatan Kerajaan dalam Belanjawan 2023 adalah tindakan yang tepat pada masanya. Kita harus meningkatkan penglibatan bakat-bakat TVET dalam rantai nilai industri yang lebih tinggi sekiranya kita mahu menjadi sebuah negara maju dalam masa terdekat. Inisiatif ini juga harus diperluaskan dalam bidang-bidang *deep technology* seperti bahan termaju, kepintaran buatan, dan data raya,” ujarnya.

Pada masa ini, lebih daripada 67,000 ahli yang berdaftar dengan MBOT, termasuk lebih daripada 20,000 Profesional Teknologis dan Juruteknik Bertauliah. Selain itu, MBOT mengiktiraf lebih daripada 800 program berkaitan teknologi dan teknikal di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang menghasilkan teknologis dan juruteknik.

Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif yang akan dijalankan ini dijangka dapat membangunkan bakat-bakat tempatan dengan memanfaatkan sumber kerajaan dan negara dengan lebih optimum serta bersifat progresif.

-TAMAT-

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan sebuah badan profesional yang memberikan pengiktirafan profesional kepada Teknologis dan Juruteknik dalam bidang teknologi dan teknikal. MBOT telah ditubuhkan di bawah Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 [Akta 768] untuk mengiktiraf, mengawal, menggalak dan membangunkan profesion teknologis dan juruteknik sebagai profesion ikhtisas.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)

t.nabila@mbot.org.my

+603-8800 6268/+6017-798 2604